

0841

B B184 AAB
GHAFAR - MAHATHIR R'R'R'

JOHOR BAHRU, 12 OGOS (BERNAMA)-- TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MEREPUT-REPUT UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI NEGARA INI MENGGANTIKAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

+SELAGI DATUK SERI DR MAHATHIR SIHAT BADAN DAN BAIK PEMIKIRANNYA, SAYA AKAN TERUS MENYOKONGNYA SAMPAI BILA-BILA,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MEMOLAK DAKWAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN SEORANG PEMIMPIN DIKTATOR DAN MENYIFATKAN TUDUHAN SEUMPAMA ITU SEBAGAI +KARUT BELAKA, BETUL-BETUL KARUT.+

ENCIK GHAFAR, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO, BERUCAP DEMIKIAN PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 500 ANGGOTA JAWATANKUASA PERGERAKAN WANITA UMNO JOHOR DI SAUJANA, KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR, DI SINI PETANG INI.

TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR, HAJI MUHYIDDIN YASSIN, KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, NAIB KETUA WANITA, DATUK HAJAH NAPSIAH OMAR, ANGGOTA-ANGGOTA EXCO PERGERAKAN WANITA DAN BEKAS KETUA PERGERAKAN ITU, TAN SRI HAJAH AISHAH GHANI.
-- LAGI

1950MST 12 08 88

0842

B B185 AAB
GHAFAR - MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU R'R'R'

KATANYA, DATUK SERI DR MAHATHIR ADALAH DI ANTARA PERDANA MENTERI NEGARA INI YANG PALING LIBERAL DAN LEBIH BANYAK MENGADAKAN PERBINCANGAN DAN RUNDINGAN SEBELUM MENGAMBIL SESUATU KEPUTUSAN.

+SAYA PERNAH BERKHIDMAT DENGAN TUNKU ABDUL RAHMAN, ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK DAN TUN HUSSEIN ONN TETAPI SAYA DAPATI DATUK SERI DR MAHATHIRLAH YANG LEBIH BANYAK MENGADAKAN RUNDINGAN DALAM PARTI DAN KERAJAAN SEBELUM MEMUTUSKAN SESUATU,+ UJARNYA.

JUSTRU ITU DAKWAAN KONONNYA PERDANA MENTERI MERUPAKAN SEORANG DIKTATOR ADALAH BETUL-BETUL KARUT KERANA +SEORANG DIKTATOR TIDAK PERNAH BERMESYUARAT, HANYA MENGELUARKAN PERINTAH SAHAJA.+

+SAYA JUGA TIDAK MAHU BEKERJA DENGAN SEORANG PEMIMPIN DIKTATOR,+ KATANYA.

+SAYA JUGA HAIRAN KENAPA BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM, MELETAKKAN JAWATAN DAN TIDAK DAPAT BEKERJA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR,+ KATANYA.

+RUPA-RUPANYA, BARULAH SAYA TAHU BAHAWA DATUK MUSA SUDAH TIDAK SABAR LAGI UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI,+ UJARNYA. -- LAGI
1952MST 12 08 88

0843

B B186 AAB
GHAFAR - MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU R'R'R'

ENCIK GHAFAR BERKATA SOAL MEMBUANG ANGGOTA PARTI MERUPAKAN PERKARA BIASA DALAM UMNO KERANA TINDAKAN SEUMPAMA ITU PERNAH DILAKUKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO PADA MASA LEPAS +BUKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR SAHAJA.+

BELIAU, YANG MENYOROT KEMBALI PERISTIWA PARTI PADA MASA LEPAS, BERKATA TINDAKAN PERTAMA TUNKU APABILA MENGAMBIL-ALIH PUCUK PIMPINAN UMNO IALAH MEMBUANG DATUK PANGLIMA BUKIT GANTANG YANG KETIKA ITU MENJADI MENTERI BESAR PERAK DAN MERUPAKAN SEORANG PEMIMPIN MELAYU YANG BERPENGARUH KETIKA ITU.

SEMASA MENJADI PERDANA MENTERI, TUNKU MEMBUANG LIMA ATAUPUN ENAM ORANG MENTERI YANG TIDAK SEALIRAN DENGANNYA.

+BEGITU JUGA DENGAN TUN HUSSEIN YANG MEMBUANG TIGA MENTERI DAN TIGA TIMBALAN MENTERI SEMASA BELIAU MENJADI PERDANA MENTERI,+ KATANYA.

MENGENAI PENGHARAMAN UMNO, ENCIK GHAFAR BERKATA SEBENARNYA CUMA PENDAFTARANNYA YANG MATI TETAPI SEMANGAT PERJUANGAN DAN KEWIBAWAANNYA DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTANYA MASIH HIDUP SEGAR DAN BERSEMARAK.

BAGAIMANAPUN, KEADAANNYA ADALAH BERBEZA BAGI PSRM KERANA PENDAFTARANNYA MASIH HIDUP TETAPI PEMIMPIN-PEMIMPINNYA SUDAH MATI.

-- LAGI

1955MST 12 08 88

0851

B B190 AAB
GHAFAR - MAHATHIR 4 JOHOR BAHRU R R R

PSRM PERNAH BERTANDING DARI PERLIS KE JOHOR BAHRU TETAPI PARTI ITU TIDAK PERNAH MENANG SATU KALIPUN MALAHAN +SIAPA PEMIMPINNYAPUN SAYA TIDAK TAHU.+

+SAYA HANYA MENGETAHUI BAHAWA PENERUSNYA ADALAH DATUK KAMPO RADJO APABILA MEMBACA BERITA KEMATIANNYA DI AKHBAR HARI INI DAN SAYA TELAH PUN MENGHANTAR KAWAD TAKZIAH KEPADA KELUARGANYA,+ KATANYA.

BELIAU MEMINTA PENGUNDI JOHOR BAHRU SUPAYA MENOLAK PSRM KERANA BANYAK NEGARA DI EROPÁH YANG MENGANUT FAHAMAN SOSIALIS SEMAKIN MUNDUR DAN EKORAN ITU BERTINDAK MENUKAR SISTEM TERSEBUT.

+RAKYAT DI NEGARA-NEGARA ITU MULA MEMBERONTAK, MELANCARKAN MOGOK, DEMONSTRASI DAN SEBAGAINYA KERANA DASAR SOSIALISMA TIDAK MENGUNTUNGGAN RAKYAT KERANA EKONOMINYA TIDAK BERKEMBANG,+ KATANYA.

+DALAM SISTEM SOSIALIS, SEGALA PERNIAGAAN DIJALANKAN OLEH KERAJAAN DAN RAKYAT MENJADI BURUH SEPANJANG MASA,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA KEADAAN DI MALAYSIA ADALAH BERLAINAN.

RAKYAT BERBILANG KAUM NEGARA INI BEBAS MENJALANKAN APA-APA PERNIAGAAN, MEMILIKI SEBERAPA BANYAK HARTA DAN EKONOMI NEGARA BERKEMBANG MAJU SEJAK MENCAPAI KEMERDEKAAN 30 TAHUN LEPAS. -- LAGI

2011MST 12 08 88

0920

R 8191 ABB

GHAFAR - MAHATHIR 5 JOHOR BAHRU R R R

MENGENAI CALON BEBAS, DATUK SHAHRIR, ABDUL SAMAD, ENCIK GHAFAR BERKATA MEMANG TIDAK DAPAT DINAFIKAN BELIAU TELAH BERJASA KEPADA RAKYAT DI SINI SEPERTI MEMBERI PERUNTUKAN MEMBINA BALAI RAYA, MASJID, SURAU DAN SEBAGAINYA SEMASA MENJADI ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN INI.

+KALAU KITA NAFIKAN JASANYA, ORANG KATA KITA BOHONG,+ TETAPI RAKYAT DI SINI HARUS DIBERI PENJELASAN DAN DIINGATKAN BAHAWA DATUK SHAHRIR MAMPU BERBUAT DEMIKIAN KERANA MENJADI WAKIL KERAJAAN BN.
+SEKARANG DATUK SHAHRIR TIDAK LAGI MENJADI WAKIL KERAJAAN, MACAM MANA DIA BOLEH MEMERUSKAN PERKHIDMATANNYA, KALAU SETAKAT \$200 ATAU \$300 MUNGKIN DIA BOLEH BAGI, TETAPI JIKA MEMERLUKAN \$2 JUTA UNTUK MEMBINA SEBUAH MASJID, APA JADINYA,+ TANYA BELIAU.

ENCIK GHAFAR JUGA BERKATA SETAKAT INI SEBANYAK 600,000 ORANG MELAYU TELAH MANGANGGOTAI UMNO DAN ANGKA ITU DIJANGKA MENINGKAT KEPADA SEJUTA MENJELANG PERHIMPUNAN AGUNG PARTI PADA OKTOBER INI.

JUMLAH KEANGGOTAAN PARTI JUGA DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 1.5 JUTA ORANG DALAM TEMPOH ENAM BULAN AKAN DATANG KATANYA SAMBIL MELAHIRKAN KEYAKINANNYA BAHAWA UMNO SEKARANG AKAN MUNCUL LEBIH GAGAH DAN BESAR DARIPADA UMNO YANG TELAH DIHARAMKAN. -- BERNAMA

2214MST 12 08 88